

**ELAINE YONG Shu Han<sup>1</sup>**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **AKTIVITI PERNIAGAAN MASYARAKAT CINA DI TAIPING PADA ZAMAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA, 1929-1935**

### ***CHINESE BUSINESS IN TAIPING DURING THE GREAT DEPRESSION, 1929-1935***

*Artikel ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan aktiviti perniagaan masyarakat Cina di Taiping sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi dunia. Krisis ekonomi pada tahun 1929 hingga 1935 menyebabkan peniaga Cina di Taiping menghadapi tekanan ekonomi pada tahap maksima akibat penurunan kuasa beli pasaran tempatan mahupun antarabangsa. Walau bagaimanapun, keadaan sedemikian tidak menjejaskan penglibatan masyarakat Cina dalam aktiviti perniagaan. Dokumen dan laporan British dalam tempoh kajian memperlihatkan bahawa masyarakat Cina di bandar tersebut menceburkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti perniagaan dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka. Iklan perniagaan masyarakat Cina seperti yang dipaparkan dalam Taipeng Weekly Record jelas menggambarkan perkembangan aktiviti perniagaan Cina di Taiping sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi dunia. Justeru, masyarakat Cina di Taiping masih meneruskan penglibatan mereka dalam aktiviti perniagaan walaupun berhadapan dengan krisis dan kemelesetan ekonomi.*

**Kata kunci:** *Perniagaan, Cina, Taiping, zaman kemelesetan ekonomi dunia*

*The purpose of this article is to examine the development of business activity in the Chinese society during the Great Depression, precisely in Taiping. The economic crisis in 1929 to 1935 caused Chinese trader in Taiping to face economic pressures at a maximum level due to a decline in local and international market purchasing power. However, this situation does not affect the involvement of Chinese society in business activities. British documents and reports during the review period demonstrated that the Chinese community in the city actively engaged in various business activities in an effort to improve their standard of living. Chinese business advertisements as shown in the Taipeng Weekly Record clearly reflect the development of Chinese business activities in Taiping during the recession of the world economy. Thus, the Chinese community in Taiping still pursuing their involvement in business activities despite in the crisis*

*and economic recession.*

**Keyword:** *Business, Chinese, Taiping, Great Depression*

## **Pengenalan**

Taiping merupakan sebuah bandar yang terletak di daerah Larut dan dikenali sebagai pusat pemerintahan British di negeri Perak sejak tahun 1874. Perkembangan aktiviti perlombongan bijih timah dan perusahaan getah menjadikan bandar tersebut sebagai bandar kosmopolitan yang menghimpunkan masyarakat Eropah, Cina dan India kerana tertarik dengan peluang ekonominya. Keadaan berubah secara drastik pada tahun 1929 hingga 1935 akibat kemelesetan ekonomi dunia yang memberi hentaman kuat kepada masyarakat Cina di Taiping. Namun demikian, peningkatan jumlah penduduk Cina di Taiping khususnya pada tahun 1931 memperlihatkan bahawa bandar tersebut masih mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Cina walaupun berhadapan dengan krisis dan kemelesetan ekonomi.<sup>2</sup> Oleh itu, Taiping tidak menjadi sebuah bandar yang dipinggirkan oleh masyarakat Cina kerana keadaan di Tanah Besar China adalah lebih runcing.<sup>3</sup> Aktiviti perniagaan diberi perhatian oleh masyarakat Cina di Taiping dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan mereka sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi dunia. Artikel ini cuba mengupas perkembangan aktiviti perniagaan masyarakat Cina di bandar tersebut dengan melihat penglibatan masyarakat Cina dalam aktiviti perniagaan dan kesan kemelesetan ekonomi dunia terhadap perniagaan mereka. Justeru, artikel ini diharap dapat memberi penjelasan mengenai perkembangan aktiviti perniagaan masyarakat Cina di Taiping sepanjang tempoh kemelesetan dunia.

## **Perkembangan Aktiviti Perniagaan Masyarakat Cina di Taiping Pada Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia, 1929-1935**

Peniaga Cina di Taiping melalui zaman kesukaran pada tahun 1929 hingga 1935 akibat kejatuhan saham di Bursa Saham New York pada Oktober 1929 yang mengundang kemelesetan ekonomi dunia pada awal tahun 1930-an.<sup>4</sup> Krisis ekonomi tersebut meninggalkan kesan negatif kepada para peniaga Cina di Taiping kerana kuasa beli penduduk tempatan mahupun antarabangsa menurun yang sekali gus memberi impak kepada jualan dan taraf kehidupan mereka. *Sin Chew Daily* melaporkan bahawa ramai orang Cina di Taiping hilang punca pendapatan akibat kemelesetan ekonomi dunia dan berkumpul di Persatuan Kwangtung Perak Utara pada tahun 1930.<sup>5</sup> Keadaan sedemikian bukan sahaja menggambarkan kesukaran hidup masyarakat Cina malah turut menonjolkan peranan persatuan Cina di bandar tersebut. Hal yang demikian ini adalah disebabkan oleh tujuan utama penubuhan persatuan Cina adalah untuk menjaga kebajikan ahli-ahlinya atau mereka yang berasal dari kawasan

yang sama. Persatuan Cina berperanan penting dalam menjaga kebajikan ahli yang sakit, menguruskan upacara pengebumian ahli yang tidak mempunyai ahli keluarga di Taiping dan sebagainya.<sup>6</sup> Justeru, pengumpulan orang Cina di Persatuan Kwangtung Perak Utara, Taiping pada tahun 1930 dilihat sebagai usaha mereka untuk mendapatkan bantuan daripada persatuan tersebut.

Seterusnya, kesan krisis ekonomi tersebut juga dapat dilihat melalui tindakan buruh Cina yang mengutip puntung rokok yang dibuang lalu mengeluarkan tembakau daripada rokok tersebut dan menggulungkannya dengan daun tembakau untuk dihisap kerana tidak mampu membeli rokok.<sup>7</sup> Tindakan buruh Cina tersebut mencerminkan bahawa taraf sosioekonomi beliau adalah rendah kerana tidak mampu membeli tembakau buatan tempatan yang berharga \$0.45 untuk setiap satu lbs..<sup>8</sup> Sementara itu, terdapat juga orang Cina yang menjadi pengemis untuk mendapatkan sumber makanan.<sup>9</sup> Bagi mereka yang tidak dibuang kerja pula, kadar upah yang rendah menyebabkan mereka hidup dalam kesusahan. Contohnya, gaji pelombong Cina pada tahun 1931 dan 1932 adalah sebanyak \$0.18 untuk setiap hari<sup>10</sup> berbanding tahun 1934 yang mencatatkan sebanyak \$0.30 hingga \$0.40.<sup>11</sup> Keadaan sedemikian memperlihatkan bahawa kadar upah yang ditawarkan kepada pelombong Cina pada puncak zaman meleset adalah sangat rendah berbanding zaman pemulihan akibat perubahan ekonomi. Justeru, kadar upah yang rendah pastinya mempengaruhi kuasa beli pelombong Cina di Taiping sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi dunia walaupun makanan ditanggung oleh pihak majikan.<sup>12</sup>

Peranan Tanah Melayu sebagai pengeluar getah utama dan kebergantungan kepada aktiviti pengeksportan meletakkannya di kedudukan yang kurang strategik khususnya pada tahun 1929 hingga 1935. Badriyah Salleh menunjukkan bahawa lebih daripada 95% getah keluaran tempatan digunakan untuk pengeksportan akibat tidak wujud permintaan di pasaran tempatan.<sup>13</sup> Justeru, penurunan harga komoditi seperti getah memberi kesan mendalam kepada Tanah Melayu khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam perusahaan getah. Sehubungan itu, perubahan ekonomi di benua Eropah mempengaruhi perusahaan getah dan ekonomi di Tanah Melayu termasuk Taiping. Contohnya, penghapusan Rancangan Sekatan Stevenson pada 1 November 1928 memberi kesan kepada perkembangan taraf sosioekonomi peniaga getah Cina di Taiping kerana jumlah getah yang dieksport di Tanah Melayu meningkat sebanyak 55% pada tahun 1929 yang mengundang pengeluaran lebihan di pasaran dunia.<sup>14</sup> Ekoran itu, harga getah merosot secara mendadak dengan mencatatkan sebanyak 5 15/16d untuk setiap satu paun pada tahun 1930 dan 3 1/8 d pada tahun 1931.<sup>15</sup> Kesannya, kos pengeluaran dikurangkan untuk menjaga kepentingan para pengeluar.<sup>16</sup> Peniaga getah Cina di Taiping turut menerima kesan daripada krisis ekonomi tersebut kerana kuasa beli pasaran dunia menurun. Begitu juga dengan pulangan yang diterima. Meskipun demikian, mereka meneruskan penglibatan dalam

perniagaan getah kerana peluang ekonomi masih ditawarkan. Jadual di bawah menunjukkan bahawa terdapat 36 orang peniaga Cina masih menjalankan urusan getah di Taiping pada tahun 1931.

### Senarai Peniaga Getah Cina Di Taiping Pada Tahun 1931

<b>Nama</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>No. Lesen</b>
Teoh Ah Sia	Poh Seng Kongsi	94, Main Road, Taiping	1-31
Goh Mah Ee	Tong Aik	11, China Street, Matang	5-31
Chuah Tong Tit	Soon Huat	12, Simpang Village	6-31
Ng Chong Ang	Guan Ho	Bukit Gantang	7-31
Chuan Lam	Chuan Soon	11, Changkat Jering	8-31
Chuah Say Chun	Sin Hock Leong	34, Simpang	10-31
Wong Foo Thatt	Chop Yee Mow Chan	29th mile, Ulu Ijok	11-31
Wong Ah Chan	Yee Mow	Ulu Ijok	12-31
Ong Mok Gin	Tai Tong Kongsi	161, Kota Road, Taiping	13-31
Tan Kah Kee	Khiam Aik Chan	139, Barrack Road, Taiping	16-31
Chew Boon Kooi	Chee Seng	Matang Batu	17-31
Peh Giong Hong	Giong Hong Kongsi	149, Main Road, Taiping	18-31
Ng Poh Lah	Joo Leong	91, Main Road, Selama	19-31
Lim Thian Soo	Chip Seng	16, Pondok Tanjong	20-31
Chu Ah Huen	Ban Fatt Chan	30, Main Road, Selama	27-31
Yong Poh meng	Soon Fong	13, Main Road, Selama	28-31
Wong Yong Hew	Ban Woh	12, Main Road, Selama	31-31
Lim Seng Huat	Hock Seng Leong	24, Main Road, Selama	33-31
Hew Thiam Kwi	Hew Foh Loong	Sungei Bayor, Ulu Selama	35-31
Loh Sin	Ban Fah Yin	79, Main Road, Selama	36-31
Lay Poh San	Heap Chong	134, Kota Road, Taiping	37-31
Ng Chong Geng	Synn Kee Kongsi	140, Market Road, Taiping	39-31

Loo Eng	Chop Guan Hong	No. 3, Cross Street, No. 9, Taiping	40-31
Yeap Kim Gok	Sin Chuan Huat	154, Main Road, Taiping	41-31
Ng Chong Tit	Sin Ewe Lee	17, Changkat Jering	43-31
Ha Kwi	Ban Lian Kongsu	60, Main Road, Selama	45-31
Ng Cheng Seong and his partner Ng Soo Gak	Seong Chee	100, Barrack Road, Taiping	47-31
Kwa Thean Oon	Ban Guan	9½ mile, Bukit Gantang	50-31
Por Khua Chooi and his partner Ng Soo Gak	Teng Saing & Co.	116, Market Road, Taiping	51-31
Gan Ah Long	Taik Kee	141, Kota Road, Taiping	59-31
Lean Hock Chuan	Chuan Bee	8, Simpang	60-31
Lee Theng Phoy	Sin Teik Huat	Ulu Selama	68-31
Yeap Kwee Sim (f) executrix of late Hock Beng	Aik Seng & Co.	80, Market Road, Taiping	76-31
Gan Long	NIL	Matang Road	78-31
Ng Yew Chuan	Sin Hock Seng	121, Main Road, Taiping	80-31
Lean Thean Chor	Keat Sang	148, Main Road, Taiping	82-31

Sumber: *Federated Malay States Government Gazette*, 27 Februari 1931, hlm. 496, hlm. 497

Seterusnya, penghapusan Rancangan Sekatan Stevenson dan kemelesetan ekonomi dunia membawa kepada wujudnya perundingan di antara kerajaan British dan Belanda untuk menstabilkan pasaran dan harga getah. Lantaran itu, Perjanjian Peraturan Getah Antarabangsa ditandatangani pada tahun 1934 dan dianggotai oleh Tanah Melayu, Belanda, India, Perancis dan Siam.<sup>17</sup> Li Dun Jen menjelaskan bahawa pelaksanaan sekatan tersebut adalah berkesan kerana harga getah di pasaran memberi *reasonably remunerative* kepada para pengeluar.<sup>18</sup> Hal yang demikian ini menyumbang kepada perkembangan aktiviti perniagaan getah di Taiping. Jadual di bawah menunjukkan bahawa jumlah perniagaan getah yang diusahakan oleh masyarakat Cina meningkat kepada 43 buah pada tahun 1934<sup>19</sup> berbanding tahun 1931 yang mencatatkan sebanyak 36 buah sahaja.<sup>20</sup> Peningkatan penglibatan masyarakat Cina dalam perniagaan getah bukan sahaja menggambarkan potensi bidang ekonomi tersebut dalam meningkatkan taraf

sosioekonomi mereka sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi dunia malah turut memperlihatkan keberkesanan sekatan pengeluaran pada tahun 1934. Sementara itu, perkembangan perniagaan getah Cina di Taiping juga dilihat sebagai kesan perubahan ekonomi dunia. K. Nadaraja menunjukkan bahawa ekonomi dunia beralih ke zaman pemulihan pada tahun 1933 atau 1934 tetapi para pelabur Eropah, Cina petani Melayu dan buruh imigran Cina dan India yang terlibat dalam industri utama seperti getah atau aktiviti perniagaan yang lain masih menerima impak krisis ekonomi tersebut.<sup>21</sup> Keadaan ekonomi dunia yang menjadi semakin stabil memberi rangsangan kepada masyarakat Cina di Taiping untuk terlibat dalam perniagaan getah supaya taraf kehidupan mereka dapat ditingkatkan. Justeru, keadaan ekonomi yang berbeza pada tahun 1931 dan 1934 memberi kesan perkembangan perniagaan getah Cina di Taiping.

### Senarai Peniaga Getah Cina Di Taiping Pada Tahun 1934

<b>Nama</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>No. Lesen</b>
Yap Key Bee	Chuan Bee & Co.	283, Kota Road, Taiping	1-34
Ng Chong Geng	Synn Kee Kongsi	140, Market Road, Taiping	2-34
Ong An Sim	Chop Heap Hin & Co.	165, Market Road, Taiping	4-34
Chuah Chong Tit	Soo Ho	12, Simpang Village	6-34
Ong Ah Hee	NIL	155, Kota Road, Taiping	7-34
Yeap Kim Gok	Chop Sin Chuan Huat	146, Main Road, Taiping	8-34
Ng Chong Phitt	NIL	17, Changkat Jering	9-34
Peh Giong Hong	Chop Giong Hong Kongsi	149, Main Road, Taiping	11-34
Lim Thean Soo	Chop Chip Seng	16, Pondok Tanjong	12-34
Lim Seng Huat	Chop Hock Seng Leong	24, Main Road, Selama	16-34
Wong Ah Chan	Chop Yee Meow	Ulu Ijok	18-34
Ng Chong Koay	Chop Sin Ban Hoe	9th, Mile Bukit Gantang	21-34
Chuah Yew Gai	NIL	134, Kota Road, Taiping	22-34
Chuah Say Chan	Sin Hock Leong	34, Simpang	24-34

Chu An Huen	Chop Ban Fatt Chan	28 & 30, Main Road, Selama	29-34
Loo How Hin	Chop Ban Fah Yin	78, Main Road, Selama	30-34
Chuan Lam	Chuan Soon	11, Changkat Jering	31-34
Messrs. Tan Kah Kee & Co. Ltd.	NIL	96, Main Road, Taiping	33-34
Wong Foo Thatt	Chop Yee Mow Chan	29th Mile, Ulu Ijok	35-34
Ng Soo Gak	Chop Chuan Aun	100, Barrack Road, Taiping	39-34
Ng Poh Lah	Joh Leong	91, Main Road, Selama	41-34
Wong Yong Hew	Chop Ban Wah	36, Main Road, Selama	42-34
Yeong Poh Meng	Chop Soon Fong	13, Main Road, Selama	43-34
Tan Kim Seng	Chop Sin Cheong Loong	18, Main Road, Selama	44-34
Ng Yit Siew	Chop Ban Teik Heng	17, Rantau Panjang	45-34
Lee Seng	Chop Hup Heng	3, Rantau Panjang	46-34
Hiew Thiam Kwi	Chop Hiew Foh Loong	11, Rantau Panjang	47-34
Lee Kow	Chop Sin Guan Heng	Tebing Tinggi, Selama	48-34
Ng Heng Thoon	Chop Ban Cheong	72, Main Road, Selama	51-34
Hong Lit Yang	Chop Hoon Heng	Lemboh Kluang, Simpang, Selama	52-34
Gan Tow	Chop Eng Seng Teow Kee	194, Market Road, Taiping	53-34
Goh Mah Eee	Chop Tong Aik	11, China Street, Matang	62-34
Law Geok Soo	NIL	112, Kota Road, Taiping	64-34
Koay Kheng Sang	NIL	142, Market Road, Taiping	66-34
Ng Kim Keow	Chop Chuan Aik	154, Kota Road, Taiping	67-34

Ang Swee Seng	Chop Swee Hung Leong	Lemboh Kluang, Simpang, Selama	71-34
Chuah Teong Heok	Chop Soon Aik	Jelutong, Bukit Gantang	72-34
Low Geok Sooi	NIL	166, Main Road, Taiping	75-34
Chuah Teong Kang	Chuan Huat	Ayer Kuning	79-34
Gan Long	Teik Guan	Matang Road, Matang	83-34
Tan Teik Seng	NIL	152E, Kota Road, Taiping	85-34
Quah Eng Chuan	NIL	152F, Kota Road, Taiping	86-34
Ng Chek Yong	Chop Yong Kee	23, Main Road, Selama	87-34

Sumber: Larut No. 97/34 *List of Licenced Rubber Dealer for 1934 in Larut & Matang & Selama*

*Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 menunjukkan bahawa peniaga getah Cina di Taiping turut menjalankan urus niaga lain (*general merchants*) dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi dunia. Contohnya, perniagaan Yew Lian di Nos 110 & 112, Kota Road, Taiping merupakan sebuah kedai getah yang menawarkan barangan dan perkhidmatan lain seperti asid asetik, asid formik, dawai tergalvani, wayar kuku, kualiti susu getah, kawat berduli, atap zink, pisau menoreh getah, kasa dawai, baldi, cat, cangkul, simen dan sebagainya.<sup>22</sup> Tambahan pula, masyarakat Cina juga menceburkan diri dalam perniagaan yang berkaitan dengan perusahaan getah. Perniagaan *Soon Bee & Co.* di No. 100, Main Road, Taiping merupakan sebuah perniagaan yang menyediakan tangki susu getah (*latex tank*) yang berjenama *Goat's Head*. Iklan perniagaan *Soon Bee & Co.* dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 menunjukkan bahawa tangki susu getah yang dijual adalah berkualiti tinggi dan para petani yang memberi barangan di premis perniagaan tersebut akan diberi diskaun. Tujuan pemberian diskaun kepada para petani di Taiping dilihat sebagai strategi pemasaran yang digunakan oleh perniagaan *Soon Bee & Co.* untuk meningkatkan jualan sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi dunia. Tambahan pula, barangan keperluan untuk aktiviti perlombongan, perladangan dan pembinaan, perkakasan dan barangan umum (*general stores*) juga ditawarkan oleh premis perniagaan tersebut.<sup>23</sup> Ringkasnya, ketidakstabilan harga dan pasaran getah tidak menghalang peniaga Cina daripada meneruskan penglibatan mereka dalam aktiviti perniagaan getah kerana peluang ekonomi masih ditawarkan.



Seterusnya, masyarakat Cina di Taiping turut menceburkan diri dalam perniagaan lain dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka sepanjang tempoh kemelesetan dunia. Menurut Jan van der Putten, industri hiburan berkembang dengan maju pada tahun 1930-an sementara bidang ekonomi lain menerima kesan negatif daripada krisis ekonomi.<sup>24</sup> Masyarakat Cina di Taiping turut menceburi dalam perniagaan hiburan. Buktinya, perniagaan *Hock Huat & Co.* di No. 86, Main Road, Taiping merupakan sebuah perniagaan yang menawarkan gramofon kepada masyarakat tempatan. Iklan perniagaan syarikat *Hock Huat & Co.* dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 menggambarkan bahawa gramofon yang ditawarkan oleh premis perniagaan tersebut adalah gramofon terbaru, iaitu model No. 87 (*portable gramophone*) dan harga yang ditetapkan adalah sebanyak \$25 untuk setiap satu unit gramofon. Keunikan gramofon tersebut adalah berhenti secara automatik dan *record-carrying turnable*.<sup>25</sup> Perkembangan perniagaan gramofon di Taiping juga memperlihatkan bahawa masyarakat tempatan terdedah kepada budaya Barat.

Sehubungan itu, perniagaan Sam Yik Chan yang terletak di No. 58-60, Market Road, Taiping juga menjalankan urus niaga gramofon. Barangan lain seperti daun emas, jam, jam tangan serta barangan runcit Eropah dan Cina juga ditawarkan oleh premis perniagaan tersebut. Perniagaan Sam Yik Chan turut menawarkan perkhidmatan pertukangan emas di samping mengimport semua jenis sutera dari Tanah Besar China untuk memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat tempatan. Bagi mereka yang mempunyai persoalan mengenai barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan boleh menghubungi nombor telefon kedai tersebut.<sup>26</sup> Keadaan sedemikian memperlihatkan bahawa sistem perhubungan menjamin perkembangan perniagaan hiburan di Taiping kerana pelanggan boleh mendapatkan maklumat mengenai barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan melalui telefon tanpa mengunjungi premis perniagaan tersebut.

Perkembangan industri hiburan di Taiping juga terbukti melalui penubuhan perniagaan kedai gambar di bandar tersebut. Buktinya, perniagaan *Choon Wah Photo Studio* yang terletak di No. 78, Main Road, Taiping merupakan sebuah perniagaan kedai gambar yang beroperasi pada zaman kemelesetan ekonomi dunia. Barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh premis perniagaan tersebut adalah semua bahan fotografik, penerangan mengenai semua jenis kamera dan pembuatan bingkai. Selain itu, perniagaan *Choon Wah Photo Studio* juga menawarkan perkhidmatan pencetakan yang berkualiti dan cepat kepada jurugambar amatir di bandar tersebut. Iklan *Choon Wah Photo Studio* dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 juga menunjukkan bahawa jurugambar di premis perniagaan tersebut adalah terdiri daripada golongan profesional di samping menjamin kepuasan para pelanggan. Barangan seperti gambar Perarakan Jubil, sukan olahraga ketika *Lake Carnival Barges* dan pertandingan sukan juga ditawarkan oleh premis

perniagaan tersebut.<sup>27</sup>

Tarian merupakan salah satu cabang daripada industri hiburan juga mengalami perkembangan pesat sepanjang tempoh 1930-an. Penubuhan *Maxim's Dance Studio*, iaitu sebuah studio tarian di Garden Park, Taiping jelas menggambarkan perkembangan industri hiburan di bandar tersebut. Iklan studio tarian tersebut dalam dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 menunjukkan bahawa kelas tarian adalah dipimpin oleh P.K. Chan dan cara menari yang betul akan didedahkan dalam berdansa moden. Selain itu, kelas persendirian (*private lessons*) juga ditawarkan.<sup>28</sup> Perkembangan perniagaan tarian di Taiping secara tidak langsung menggambarkan pendedahan budaya Barat kepada masyarakat tempatan sepanjang tempoh kajian.

Tambahan pula, kedudukan Taiping sebagai pusat pentadbiran menjadikan bandar tersebut sebagai sebuah bandar kosmopolitan yang menghimpunkan masyarakat daripada pelbagai bangsa. Keadaan sedemikian membawa kepada wujudnya peluang ekonomi baru kepada masyarakat Cina di Taiping untuk memulakan perniagaan perhotelan dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka. Perniagaan Chong Chue (*first class lodging house*) di No. 28, Cross Street No 9, Taiping merupakan sebuah perniagaan yang menawarkan perkhidmatan lojing kepada masyarakat di luar kawasan Taiping dengan harga yang rendah. Premis perniagaan tersebut adalah terletak di kawasan yang strategik di mana tempoh perjalanan ke teater dan panggung wayang di Taiping adalah dua minit sahaja. Premis perniagaan tersebut juga menjamin keselesaan dan ketenangan para pelanggan yang menginap di lojing tersebut.<sup>29</sup> Seterusnya, perniagaan Thye Wah Hotel di No. 47, Station Road, Taiping juga menawarkan perkhidmatan yang sama seperti perniagaan Chong Chue. Premis perniagaan tersebut menawarkan perkhidmatan *first class boarding and lodging house* dan *first class licensed bar* kepada pelanggannya. Tambahan pula, kedudukan premis perniagaan tersebut adalah strategik kerana tempoh perjalanan dari Thye Wah Hotel ke stesen kereta api adalah 5 minit sahaja.<sup>30</sup> Perkembangan perniagaan perhotelan di Taiping juga memperlihatkan perkembangan bandar tersebut walaupun mengalami krisis ekonomi pada tahun 1930-an.

Kedatangan British di Taiping menyebabkan budaya Barat didedahkan kepada masyarakat tempatan. Ekoran itu, masyarakat Cina mula menceburi perniagaan yang berkaitan dengan barangan Eropah untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Perniagaan *Taik Ho & Co.* yang ditubuhkan oleh Toh Khay Beng pada tahun 1889 merupakan sebuah kedai borong barangan Eropah di Taiping.<sup>31</sup> Premis perniagaan tersebut adalah terletak di No.82, Main Road, Taiping yang membekalkan pelbagai barangan dan perkhidmatan kepada masyarakat tempatan. Berdasarkan iklan perniagaan syarikat *Taik Ho & Co.* dalam *Perak Pioneer* pada tahun 1900, perniagaan tersebut menjamin bahawa segala barangan keperluan yang ditawarkan adalah berkualiti tinggi dan diperolehi daripada kilang terbaik. Padi dan makanan hancur (*crushed*

*food*) juga disediakan oleh premis perniagaan tersebut. Sementara itu, jenama minuman yang dibekalkan adalah pelbagai, berkualiti dan sentiasa ada stok. Minuman *beer* juga diimport untuk memenuhi keperluan masyarakat tempatan.<sup>32</sup> Tambahan pula, perniagaan tersebut juga membekalkan makanan dan minuman kepada penduduk di Bukit Larut.<sup>33</sup> *Sin Chew Daily* mengiklankan bahawa perniagaan *Taik Ho & Co.* juga menjalankan urusan peralatan berkuda, rokok, aksesori kereta, kereta, getah, barangan penyimpanan sejuk di samping berperanan sebagai ejen motor, basikal dan surat khabar Inggeris.<sup>34</sup> Iklan perniagaan *Taik Ho & Co.* dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 menunjukkan bahawa barangan seperti peti sejuk *Frigidaire*, mesin taip *Royal* dan lampu dan kipas *Westinghouse* juga ditawarkan.<sup>35</sup> Jelasnya, perniagaan *Taik Ho & Co.* merupakan sebuah perniagaan runcit Cina yang bersaiz besar di bandar Taiping. Perkembangan perniagaan tersebut juga mencerminkan taraf sosioekonomi Toh Khay Beng di Taiping adalah stabil di samping menyumbang kepada perkembangan taraf kehidupan masyarakat tempatan kerana peluang pekerjaan ditawarkan. Contohnya, penghantaran bekalan makanan dan minuman ke Bukit Larut menawarkan jawatan *heaver* atau *porter* kepada masyarakat tempatan.<sup>36</sup>

Seterusnya, perniagaan *Hock Poh Hin & Co.* di No. 92, Main Road, Taiping merupakan sebuah perniagaan runcit yang beroperasi sejak tahun 1918. Iklan perniagaan *Hock Poh Hin & Co.* dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 menunjukkan bahawa syarikat tersebut merupakan sebuah perniagaan yang mempunyai reputasi yang tinggi. Antara barangan keperluan yang ditawarkan oleh premis perniagaan tersebut adalah pelbagai seperti tembakau *Ardath Tobacco Co.* dan *Malayan Tobacco Distributor Ltd.*, produk *Nestles Milk Co.*, stok segar (*fresh stocks*) dan sebagainya. Perniagaan tersebut juga menjamin bahawa harga yang ditawarkan adalah berpatutan. Selain itu, *Hock Poh Hin & Co.* juga merupakan ejen kepada *The Chinese Insurance Association of China, Hong Kong, Singapore.*<sup>37</sup> Perniagaan *Hock Poh Hin & Co.* yang tidak memberi pengkhususan kepada satu jenis bidang ekonomi dilihat sebagai usaha pemilik perniagaan tersebut dalam meningkatkan taraf kehidupannya sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi dunia.

Perniagaan *Kim Seng & Co.* yang terletak di No. 98, Main Road, Taiping juga merupakan sebuah perniagaan runcit di bandar tersebut. Iklan perniagaan *Kim Seng & Co.* dalam *Taipeng Weekly Record 1935* jelas mencerminkan perkembangan pesat perniagaan tersebut kerana mempunyai dua buah syarikat cawangan, iaitu di Pulau Pinang dan Sungai Petani.<sup>38</sup> Kemampuan pemilik perniagaan *Kim Seng & Co.* meluaskan perniagaannya ke Pulau Pinang dan Sungai Petani jelas menggambarkan bahawa status sosioekonomi beliau adalah stabil pada tahun 1930-an. Selain itu, barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh perniagaan tersebut adalah pelbagai seperti barangan keperluan harian, minuman alkohol, barangan penyimpanan sejuk (*cold storage*) dan air mineral. Perniagaan *Kim Seng & Co.* juga merupakan ejen dan pengedar

kepada barangan *Fraser & Neave Ltd.*, *Malayan Breweries Ltd.* dan *Singapore Cold Storage*. Iklan perniagaan perniagaan *Kim Seng & Co.* dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 juga memperlihatkan promosi perniagaan *Kim Seng & Co.* terhadap *Malayan Coffee (Dollar Brand)* yang dipanggang (*roasted*) di kilangnya yang terletak di Taiping dan menjamin bahawa kopi yang dihasilkan adalah segar dan berkualiti.<sup>39</sup> Promosi tersebut juga dilihat sebagai usaha pemilik perniagaan tersebut untuk meningkat jualannya.

Perniagaan *Sin Chuan Hoe & Co.* di No. 8A, 8B, 8C, Tupai Road, Taiping juga menjalankan aktiviti perniagaan runcit. Iklan perniagaan syarikat tersebut dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 memperlihatkan bahawa perniagaan *Sin Chuan Hoe & Co.* merupakan ejen kepada kepada *Asiatic Petroleum Company Ltd*, *Malayan Tobacco Distributor Ltd*, *Nestle & Anglo-Swiss Condensed Milk Coy*, *Sime Darby & Co.* dan *Nanyang Tobacco Company Ltd*.<sup>40</sup> Peranan *Sin Chuan Hoe & Co.* sebagai pengedar tembakau di Taiping menggambarkan bahawa taraf sosioekonomi masyarakat di Taiping adalah stabil kerana mampu memiliki tembakau import. Biasanya, harga tembakau yang diimport adalah lebih tinggi berbanding harga tembakau hasil tempatan. H.A. Tempany menjelaskan bahawa harga cerut dan rokok yang diimport pada tahun 1933 adalah sebanyak \$3.18 dan \$1.61 untuk setiap satu lbs. manakala harga tembakau buatan tempatan adalah \$0.45 untuk setiap satu lbs. sahaja.<sup>41</sup>

Kesibukan mencari rezeki hidup menyebabkan masyarakat tempatan menghadapi masalah pengendalian makanan kepada ahli keluarganya. Justeru, wujudnya sebuah perniagaan Cina yang dikenali sebagai Juan Tong di No. 99, Kota Road, Taiping yang membekalkan makanan sebanyak 50 jenis hidangan kepada masyarakat tempatan. Berdasarkan iklan perniagaan Juan Tong dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935, makanan di restoran tersebut adalah disediakan oleh *Anglo-Chinese food specialist* dengan harga yang berpatutan.<sup>42</sup> Keadaan sedemikian juga menunjukkan bahawa sasaran pelanggan restoran tersebut adalah orang Cina dan orang Eropah di samping menggambarkan pengadaptasian budaya Barat dalam kalangan masyarakat Cina di Taiping sepanjang tempoh kajian.

Selain itu, perniagaan Yat Sun di No. 80, Market Road, Taiping juga menawarkan perkhidmatan makanan dan minuman kepada para pelanggan. Iklan perniagaan Yat Sun dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 menunjukkan bahawa makanan yang enak dan buah-buahan (sejuk) sentiasa disediakan oleh restoran tersebut di samping menjamin bahawa makanan dan minuman yang dihidangkan adalah bersih dan selamat dimakan. Berbeza dengan restoran Juan Tong, sasaran pelanggan Yut Sun adalah orang Eropah dan orang Islam kerana *class cakes* untuk jamuan teh juga disediakan di premis perniagaan tersebut.<sup>43</sup> Penyediaan jamuan teh di Yut Sun juga memperlihatkan bahawa masyarakat tempatan menerima pengaruh Barat dengan sebaiknya. Keadaan sedemikian sedikit sebanyak membawa kepada berlakunya perubahan

dari segi cara hidup masyarakat tempatan.

Tambahan pula, terdapat juga sebuah kilang kopi di Taiping yang diusahakan oleh orang Cina. Premis perniagaan tersebut dikenali sebagai Kilang Kopi Aun Tong yang terletak di 8A, Jalan Assam Kumbang, Taiping.<sup>44</sup> *Guangming Daily* menunjukkan bahawa kilang tersebut adalah diasaskan oleh Tiah Ee Mooi (陈依妹) pada tahun 1933. Pengalaman beliau bekerja di kilang kopi setelah beremigrasi dari Tanah Besar China menyebabkan timbulnya keinginan menubuhkan sebuah kilang kopi dalam pemikiran beliau. Justeru, Kilang Kopi Aun Tong ditubuhkan. Kopi yang dihasilkan oleh kilang kopi tersebut adalah unik dan sedap akibat penggunaan kaedah barbeku arang tradisional.<sup>45</sup> Keunikan kopi tersebut mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat tempatan. Buktinya, kilang kopi tersebut merupakan sebuah kilang kopi terawal di Malaysia yang beroperasi selama 84 tahun.

Perniagaan air soda juga diberi perhatian oleh masyarakat Cina. Di Taiping, terdapat dua buah syarikat Cina yang menawarkan air soda kepada masyarakat tempatan. Perniagaan Poh Siew (宝仇) yang ditubuhkan oleh Toh Jim Kwee pada tahun 1919 merupakan salah sebuah perniagaan tersebut.<sup>46</sup> Dari segi istilah nama perniagaan tersebut, perniagaan Poh Siew mempunyai sebutan dan bunyi yang hampir sama dengan perkataan “Bao Chou” (报仇) yang bermaksud membalas dendam. Penggunaan nama tersebut boleh dikaitkan dengan peristiwa syarikat perkongsian minuman alkohol milik Toh Jim Kwee dan saudaranya. Lee Eng Kew menjelaskan bahawa hubungan tegang antara kedua-dua pihak tersebut merupakan hasil Toh Jim Kwee yang mengesyaki saudaranya melakukan penipuan dari segi pembahagian keuntungan. Justeru, wujudnya keinginan membalas dendam dalam pemikiran beliau lalu menamakan perniagaan air sodanya sebagai “Bao Chou” (报仇) yang bermaksud membalas dendam.<sup>47</sup> Seterusnya, Toh Jim Kwee menukar nama perniagaan tersebut daripada “Bao” (报) kepada “Bao” (宝) yang mempunyai sebutan dan bunyi yang sama tetapi perkataan yang lain setelah campur tangan Lim Sam Kip, iaitu Pengerusi Persatuan Hokkien Taiping.<sup>48</sup> Pengekalan sebutan nama perniagaan tersebut juga memperlihatkan bahawa semangat membalas dendam masih dikekalkan dalam pemikiran Toh Jim Kwee tetapi bertukar daripada isi tersurat kepada isi tersirat.

Premis perniagaan Poh Siew adalah terletak di No. 120, Jalan Taming Sari. Perisa air soda yang ditawarkan adalah pelbagai seperti oren, sarsi, tonik, ais krim soda, soda dan ros. Sementara itu, minuman seperti *champagne* dan *Football Stout* (untuk kegunaan atlet) juga disediakan oleh premis perniagaan tersebut.<sup>49</sup> Harga air soda adalah murah dan harga borong untuk 12 botol air soda adalah sebanyak \$0.015 sahaja.<sup>50</sup> Strategi pemasaran yang digunakan oleh premis perniagaan tersebut adalah menggunakan troli dengan muatan 9 kotak air soda (satu kotak mengandungi 144 botol air soda) yang ditolak oleh dua orang pekerja di seluruh kawasan Taiping. Perisa air soda yang pelbagai, harga yang murah dan setanding dengan air soda ala Barat menyebabkan air soda

Poh Siew mendapat sambutan baik daripada masyarakat tempatan.<sup>51</sup> Justeru, perniagaan Poh Siew tetap berkembang secara pesat walaupun berhadapan dengan krisis ekonomi pada tahun 1930-an. Perkembangan tersebut bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan taraf sosioekonomi Toh Jim Kwee malah turut memberi faedah kepada masyarakat tempatan. Tenaga buruh yang diperlukan untuk menolak satu troli adalah sebanyak 2 orang dan kadar gaji yang ditawarkan untuk setiap pekerja adalah \$3 sebulan.<sup>52</sup> Oleh itu, masyarakat tempatan berpeluang meningkatkan taraf sosioekonominya melalui penglibatan di perniagaan tersebut. Tambahan pula, perniagaan tersebut beroperasi sehingga tahun 1970 akibat pengurusan tidak cekap.<sup>53</sup>

Masyarakat Cina turut terlibat dalam perniagaan automobil sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi dunia. Perniagaan *Chin Taik & Co.* milik Qiu Ming De<sup>54</sup> di No. 141, Main Road, Taiping merupakan sebuah perniagaan yang menawarkan perkhidmatan tayar serta aksesori basikal dan motor di bandar tersebut.<sup>55</sup> Lee Eng Kew juga menjelaskan bahawa perniagaan *Chin Taik & Co.* memberi tumpuan kepada aktiviti perniagaan aksesori pada peringkat awal dan kemudiannya memberi fokus kepada aktiviti perniagaan dan penghasilan tayar.<sup>56</sup> Selain itu, perniagaan Man Lee Long atau Weng Kee milik Looi Yu<sup>57</sup> juga memberi fokus kepada perniagaan automobil. Premis perniagaan tersebut adalah terletak di No. 85 dan 87, Market Road, Taiping manakala pejabat adalah terletak di No. 81, Market Road, Taiping.<sup>58</sup> Keadaan sedemikian memperlihatkan bahawa perniagaan tersebut diusahakan secara sistematik dan saiznya adalah agak besar kerana bahagian pemasaran dan pentadbiran diasingkan. Tambahan pula, premis perniagaan tersebut juga mempunyai bahagian minuman alkohol (*liquor department*) yang tersendiri, iaitu di No. 83, Market Road, Taiping. Antara barangan industri automobil yang ditawarkan oleh Man Lee Long adalah petrol *Socony*, barangan *Socony*, bateri kereta, tayar *Goodyear* dan perkhidmatan mengecas bateri kereta. Premis perniagaan tersebut juga merupakan ejen penjualan kepada *Borneo Motors Ltd.*, kereta *Austin*, kereta *Chevrolet*, trak dan sebagainya. Sementara itu, barangan lain seperti lampu elektrik *Osam*, lampu automatik *Osram*, barangan *Nestles*, barangan keperluan estetik, barangan runcit, barangan keperluan harian (*provisions*), minuman alkohol, rokok dan simen British juga ditawarkan oleh premis perniagaan tersebut. Seterusnya, Man Lee Long juga berperanan sebagai ejen insurans di bandar tersebut. Bagi pelanggan yang berminat mendapatkan maklumat mengenai barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh premis perniagaan tersebut boleh menghubungi kedai tersebut melalui talian telefon atau melalui telegram Man Lee Long.<sup>59</sup> Jelasnya, perniagaan Looi Yu tidak memberi pengkhususan kepada industri automobil sahaja. Penglibatan beliau dalam bidang ekonomi yang pelbagaian perniagaan diurus oleh bahagian yang berasingan juga mencerminkan taraf sosioekonomi beliau adalah stabil pada tahun 1930-an.

Perniagaan Chin Lam di No. 150, Kota Road, Taiping juga

menjalankan urus niaga sama seperti *Chin Taik & Co.* dan Man Lee Long dengan berfungsi pengimport dan pemborong serta pembekal automobil dan basikal. Antara barangan yang ditawarkan oleh premis perniagaan tersebut adalah aksesori dan tayar motor, alat ganti serta perkakasan. Selain itu, perniagaan Chin Lam juga merupakan ejen tayar *Michelin* di Taiping. Bagi para pelanggan yang berminat mendapatkan maklumat mengenai barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh premis perniagaan tersebut boleh menghubungi kedai tersebut melalui talian telefon untuk maklumat lanjut.<sup>60</sup> Penggunaan telefon dalam menjalankan urus niaga turut menggambarkan perkembangan sistem perhubungan di bandar tersebut. Jelasnya, kemerosotan ekonomi tidak menjadikan Taiping sebagai sebuah bandar yang dipinggirkan.

Perniagaan *The Taiping Trading Co.* yang diusahakan oleh E. Cory Lee juga menjalankan perniagaan automobil di Taiping. Antara barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah pemasangan pam petrol A.P.C., minyak pelincir *Shell*, girs dan minyak motor serta tayar *Firestone British*. Sementara itu, perniagaan E. Cory Lee juga berperanan sebagai ejen perkapalan dan penghantaran di samping menjadi ejen insurans di bandar tersebut. Antara jenis insurans yang ditawarkan oleh premis perniagaan tersebut adalah insurans api, insurans hayat, insurans pecah rumah dan insurans motokar.<sup>61</sup> Bagi pelanggan yang mempunyai sebarang pertanyaan boleh menghubungi kedai tersebut melalui talian telefon atau melalui telegram CoryLee atau mengunjungi premis perniagaan yang terletak di No. 42, Main Road, Taiping untuk penerangan lanjut.<sup>62</sup>

Seterusnya, perniagaan *Poh Khong & Co.* milik Ong Khong Oon<sup>63</sup> di No. 120, Main Road, Taiping memberi fokus kepada urus niaga tayar dan aksesori kereta. Iklan perniagaan *Poh Khong & Co.* dalam *Taiping Weekly Record* pada tahun 1935 menunjukkan bahawa premis perniagaan tersebut berperanan sebagai pengimport dan pemborong (*importer and wholesale merchants*) serta pembekal automobil dan basikal (*automobile and cycle supplier*). Barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan di premis perniagaan tersebut adalah basikal, tayar basikal, tiub dan aksesori jenama *Prawn*, bateri jenama *Lucas*, *Oldham* dan *Horse* serta minyak pelincir jenama *Castrol*, *Gargoyle Mabiloil*, *Upper Cylinder Castrollo* dan *Autrosol*. Selain itu, *Poh Khong & Co.* juga berfungsi ejen barangan *Dunlop* seperti tayar, tiub dan aksesori basikal serta motor di samping menjadi ejen *Hercules* dan *Raleigh* seperti basikal dan aksesori.<sup>64</sup>

Di samping itu, penglibatan Tan Cheng Leng dalam Farmasi Edinburgh<sup>65</sup> di No. 139, Barrack Road, Taiping jelas menggambarkan masyarakat Cina juga menjadikan perniagaan perubatan sebagai punca pendapatannya. Kemudahan seperti bilik pembedahan, bilik pesakit, bantuan kecantikan dan tandas disediakan di premis perniagaan tersebut untuk menjamin kepentingan dan kesejahteraan masyarakat tempatan. Antara barangan yang ditawarkan oleh Farmasi Edinburgh adalah ubat paten dan

barangan runcit farmasi. Produk kecantikan seperti *Ateinson's Lotion D'ei* (*sunburn lotion*), *Ateinson's milk of Roses & Cucumber* dan *Ateinson's LiLac Benzoin, & Cucumber (two health-restoring face lotions)*, *Ateinson's Astringent Tonic Lotion (face tonic and wrinkles remover)*, *Ateinson's Honey & Flowers (combined hair lotion and brillantine)* serta "*Soir de Paris*" *Perfumery & Powders* juga ditawarkan oleh Farmasi Edinburgh.<sup>66</sup>

Perniagaan Chop Ban Seong yang terletak di No. 83, Main Road, Taiping merupakan sebuah perniagaan yang menjalankan urus niaga cermin mata. Iklan perniagaan Chop Ban Seong dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 menunjukkan bahawa perniagaan tersebut menawarkan perkhidmatan seperti ujian penglihatan (*eyesight testing*) dan menyediakan cermin mata yang bersesuaian (*spectacle fitting*) kepada masyarakat tempatan. Perkhidmatan tersebut disediakan oleh pakar optik yang bernama Leow Kewk Seong. Pelanggan berada di luar Taiping boleh menghubungi perniagaan Chop Ban Seong melalui pos untuk mendapatkan perkhidmatan daripada premis perniagaan tersebut. Selain itu, alat tulis seperti *foundation pen* dan perkhidmatan pembaikan pen tersebut juga ditawarkan.<sup>67</sup>

Selain itu, pentadbiran British di Taiping juga membawa kepada berlakunya perkembangan kemudahan infrastruktur di bandar tersebut. Pembangunan tersebut dilihat sebagai salah satu peluang ekonomi kepada orang Cina untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Sehubungan itu, perniagaan *Wah Kong Elektrik Co.* ditubuhkan di No. 86, Market Road, Taiping. Iklan perniagaan *Wah Kong Elektrik Co.* dalam *Taipeng Weekly Record* pada tahun 1935 menunjukkan bahawa premis perniagaan tersebut memberi tumpuan kepada kontraktor elektrik dan pendawaian seperti aktiviti pembaikan semua jenis peralatan elektrik oleh juruelektrik yang mahir. Sementara itu, perniagaan *Wah Kong Elektrik Co.* juga merupakan ejen kepada *G.E.C Wireless Receiving Sets*. Perniagaan tersebut juga melakukan demonstrasi pada setiap hari waktu petang di premis perniagaannya dan menjamin layanan yang terbaik akan diberikan kepada para pelanggan.<sup>68</sup>

Jelasnya, masyarakat Cina di Taiping terlibat secara aktif dalam pelbagai bidang ekonomi sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi dunia. Mereka menceburkan diri dalam perniagaan getah, perniagaan hiburan, perniagaan perhotelan, perniagaan kedai runcit, perniagaan makanan dan minuman, perniagaan automobil, perniagaan farmasi, perniagaan cermin mata serta perniagaan pembinaan dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka sepanjang tempoh kajian. Oleh itu, krisis ekonomi pada tahun 1930-an tidak menjejaskan perkembangan aktiviti perniagaan Cina di Taiping.

## **Kesan Kemelesetan Ekonomi Dunia Terhadap Peniaga Cina Di Taiping**

Masyarakat Cina di Taiping melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti perniagaan dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka sepanjang



tempoh 1929 hingga 1935. Penglibatan masyarakat Cina dalam pelbagai bidang perniagaan menyebabkan aktiviti perniagaan di Taiping didominasi oleh masyarakat ini. Justeru, kemelesetan ekonomi dunia tidak menjejaskan perkembangan taraf sosioekonomi peniaga Cina di bandar tersebut kerana peluang ekonomi masih ditawarkan. Meskipun demikian, terdapat beberapa kes yang memperlihatkan bahawa peniaga Cina di Taiping menerima kesan negatif daripada krisis ekonomi pada awal tahun 1930-an. Buktinya, *Federated Malay States Government Gazette* pada tahun 1931 melaporkan bahawa perniagaan Chop Wing Sang Woh yang terletak di No. 28 & 30, Market Square, Taiping menerima Perintah Penerimaan (*receiving order*) di bawah “The Bankruptcy Enactment, 1912.”<sup>69</sup> Sementara itu, Tan Chiong Chong, iaitu pemilik premis perniagaan yang terletak di No. 7, Market Square, Taiping diarahkan menghadiri Mesyuarat Pertama Pemiutang pada 22 Oktober 1931 di Pejabat Kebankrapan, Ipoh dan Pemeriksaan Awam di Mahkamah Tinggi, Ipoh pada 26 Oktober 1931 di bawah “The Bankruptcy Enactment, 1912.”<sup>70</sup> Tambahan pula, Tan Seng Sam, iaitu peniaga di No. 255, Kampung Haji, Taiping turut diarahkan menghadiri Mesyuarat Pertama Pemiutang pada 26 Mac 1931 di Pejabat Kebankrapan, Ipoh dan Pemeriksaan Awam di Mahkamah Tinggi, Ipoh pada 30 Mac 1931.<sup>71</sup>

## Kesimpulan

Kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku pada tahun 1929 hingga 1935 meninggalkan kesan negatif kepada semua sektor ekonomi di Taiping. Industri perlombongan bijih timah dan perusahaan getah merupakan dua sektor ekonomi yang menerima kesan langsung daripada krisis ekonomi tersebut akibat kebergantungan Tanah Melayu kepada aktiviti pengeksportan. Peranan Amerika Syarikat sebagai pembeli utama bijih timah dan getah Tanah Melayu menyebabkan ekonomi di kawasan tersebut dipengaruhi oleh perubahan ekonomi dunia. Begitu juga dengan keadaan di Taiping. Meskipun demikian, krisis ekonomi tersebut tidak menghalang masyarakat Cina daripada meneruskan penglibatan mereka dalam perniagaan getah kerana peluang ekonomi masih ditawarkan. Justeru, perniagaan getah dijadikan sebagai salah satu punca pendapatan masyarakat Cina di Taiping sepanjang tempoh kemerosotan ekonomi dunia.

Seterusnya, zaman kemelesetan ekonomi dunia juga memperlihatkan perkembangan aktiviti perniagaan masyarakat Cina di Taiping. Perniagaan hiburan, perniagaan perhotelan, perniagaan kedai runcit, perniagaan makanan dan minuman, perniagaan automobil, perniagaan farmasi, perniagaan cermin mata serta perniagaan pembinaan diberi perhatian oleh masyarakat Cina untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Keadaan sedemikian turut menggambarkan bahawa masyarakat Cina sedar bahawa keuntungan boleh diperolehi melalui penglibatan dalam aktiviti perniagaan walaupun keadaan ekonomi adalah kurang stabil pada ketika itu. Namun demikian,

krisis ekonomi tersebut tetap meninggalkan kesan negatif kepada taraf sosioekonomi peniaga Cina di bandar tersebut kerana terdapat beberapa kes peniaga Cina yang diarahkan menghadap ke mahkamah atas isu kebangkrapan. Ringkasnya, kemelesetan ekonomi dunia memberi kesan negatif kepada perniagaan Cina di Taiping tetapi tidak menjejaskan perkembangan aktiviti perniagaan di bandar tersebut kerana perniagaan Cina bergiat secara aktif sepanjang tempoh kajian.

## Nota Akhir

1. Pelajar sarjana di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. C.A Vlieland, *A Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistics*, London: The Crown Agents For The Colonies, 1932, hlm. 139.
3. A. Azmi Abdul Khalid, The social organization of the mining industry during the depression, 1929-1933 in Malaya, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 65 (2 (263)), 1992, hlm. 92.
4. K. Nadaraja, Malay reaction to the 1930s Economic Depression in Malaya, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 43 (1), 2016, hlm. 46. Lihat juga Jan van der Putten, Negotiating the Great Depression: The rise of popular culture and consumerism in early-1930s Malaya, *Journal of Southeast Asian Studies*, 41 (1), 2010, hlm. 21.
5. The 1930 Great Depression. 2008, Januari 20. *Sinchew Daily*. Diperolehipada September 1, 2017 daripada <http://www.sinchew.com.my/node/525770>
6. Persatuan Kwangtung Perak Utara, Taiping, Buku Cenderamata Perayaan Ulangtahun ke-100, Taiping: Persatuan Kwangtung Perak Utara, 1987, hlm. 57.
7. The 1930 Great Depression. 2008, Januari 20. *Sinchew Daily*. Diperolehipada September 1, 2017 daripada <http://www.sinchew.com.my/node/525770>
8. *Annual Report of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1934*, hlm. 28.
9. The 1930 Great Depression. 2008, Januari 20. *Sinchew Daily*. Diperolehipada September 1, 2017 daripada <http://www.sinchew.com.my/node/525770>
10. *Federated Malay States Report of the Chief Secretary to Government for the Year 1931*, hlm. 16. Lihat juga *Perak Administration Report for the year 1932*, hlm. 20.
11. *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the Year 1934*, hlm. 25.

12. *Perak Administration Report for the Year 1932*, hlm. 20.
13. Badriyah Salleh, *Malay rubber smallholding and British policy: A case study of the Batang Padang District in Perak (1876-1952)*, Tesis Ijazah Kedoktoran Falsafah, Ann Arbor: University Microfilms International, 1985, hlm. 108.
14. *Ibid.*, hlm. 94.
15. *Annual Report of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1931*, hlm. 2.
16. *Ibid.*
17. Li Dun Jen, *British Malaya: An economic analysis*, Kuala Lumpur: Institut Analisa Sosial, 1982, hlm. 96-97. Lihat juga Badriyah Salleh. *Malay rubber smallholding and British policy: A case study of the Batang Padang District in Perak (1876-1952)*, hlm. 186.
18. Li Dun Jen, *British Malaya: An economic analysis*, hlm. 99.
19. Larut No. 97/34. *List of Licenced Rubber Dealer for 1934 in Larut & Matang & Selama*.
20. *Federated Malay States Government Gazette*, 27 Februari 1931, hlm. 496, hlm. 497.
21. K. Nadaraja, Malay reaction to the 1930s Economic Depression in Malaya, hlm. 48.
22. *Taipeng Weekly Record*, 10 Jun 1935, hlm. 20.
23. *Taipeng Weekly Record*, 4 Mac 1935, hlm. 6.
24. Jan van der Putten, Negotiating the Great Depression: The rise of popular culture and consumerism in early-1930s Malaya, hlm. 22.
25. *Taipeng Weekly Record*. 4 Mac 1935, hlm. 12.
26. *Ibid.*, hlm. 6.
27. *Taipeng Weekly Record*, 27 Mei 1935, hlm. 7.
28. *Taipeng Weekly Record*, 5 Julai 1935, hlm. 10.
29. *Taipeng Weekly Record*, 27 Mei 1935, hlm. 1.
30. *Ibid.*, hlm. 14.
31. *Perak Pioneer*, 5 Januari 1900, hlm. 5.
32. *Ibid.*
33. Lee Eng Kew. Yiguo: Taiping Huayi Lishi Renwuji [*The Chinese historical figures of Taiping*], Penang: Nanyang Mingjian Wenhua, 2003, hlm. 31.
34. Kedai Tertua di Taiping: Taik Ho. 2012, Julai 15. *Sinchew Daily*. Diperolehi pada Mei 19, 2017 daripada <http://www.sinchew.com.my/node/1279101>.
35. *Taipeng Weekly Record*, 18 Mac 1935, hlm. 1.
36. Lee Eng Kew, Yiguo: Taiping Huayi Lishi Renwuji [*The Chinese historical figures of Taiping*], hlm. 31.
37. *Taipeng Weekly Record*, 4 Mac 1935, hlm. 24.
38. *Taipeng Weekly Record*, 1 April 1935, hlm. 3.

39. Ibid.
40. *Taipeng Weekly Record*, 10 Jun 1935, hlm. 20.
41. *Annual Report of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1934*, hlm. 28.
42. *Taipeng Weekly Record*, 20 September 1935, hlm. 5.
43. *Taipeng Weekly Record*, 3 Jun 1935, hlm. 21.
44. Kopi: Kilang Aun Tong. 2013, Februari 19. *Guangming Daily*. Diperolehi pada Mei 20, 2017 daripada <http://www.guangming.com.my/node/159316?tid=46>
45. Ibid.
46. Lee Eng Kew, Yiguo: Taiping Huayi Lishi Renwuji [*The Chinese historical figures of Taiping*], hlm. 73.
47. Botol “PohSiew.” 2012, Julai 30. *Sinchew Daily*. Diperolehi pada Mei 19, 2017 daripada <http://www.sinchew.com.my/node/1280862>
48. Ibid.
49. Ibid.
50. Ibid.
51. Ibid.
52. Ibid
53. Ibid.
54. Lee Eng Kew, Yiguo: Taiping Huayi Lishi Renwuji [*The Chinese historical figures of Taiping*], hlm. 33.
55. *Taipeng Weekly Record*, 4 Mac 1935, hlm. 3.
56. Ibid.
57. *Federated Malay States Government Gazette*, 1 Februari 1929, hlm. 243.
58. *Taipeng Weekly Record*, 11 Mac 1935, hlm. 3.
59. Ibid.
60. *Taipeng Weekly Record*, 4 Mac 1935, hlm. 25.
61. *Taipeng Weekly Record*, 8 April 1935, hlm. 7.
62. Ibid
63. Lee Eng Kew, Yiguo: Taiping Huayi Lishi Renwuji [*The Chinese historical figures of Taiping*], hlm. 88.
64. *Taipeng Weekly Record*, 22 April 1935, hlm. 20.
65. Larut No. 956/36. *Visiting Justice for the Convict Prison, Taiping for the Year 1937*.
66. *Taipeng Weekly Record*, 4 Mac 1935, hlm. 26.
67. *Taipeng Weekly Record*, 1 April 1935, hlm. 7.
68. *Taipeng Weekly Record*, 4 Mac 1935, hlm. 24.
69. *Federated Malay States Government Gazette*, 3 Julai 1931, hlm. 1263.
70. *Federated Malay States Government Gazette*, 25 September 1931, hlm. 1856.

71. *Federated Malay States Government Gazette*, 13 Mac 1932, hlm. 534.

## Rujukan

- A. Azmi Abdul Khalid, The social organization of the mining industry during the depression, 1929-1933 in Malaya, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 65 (2 (263)), 1992.  
*Annual Report of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1931.*  
*Annual Report of Agriculture, S.S. and F.M.S. for the Year 1934.*  
*Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the Year 1934.*
- Badriyah Salleh. *Malay rubber smallholding and British policy: A case study of the Batang Padang District in Perak (1876-1952)*, Tesis Ijazah Kedoktoran Falsafah, Ann Arbor: University Microfilms International, 1985.
- C.A. Vlieland, *A Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistics*, London: The Crown Agents For The Colonies, 1932.  
*Federated Malay States Government Gazette*. Februari 1929.  
*Federated Malay States Government Gazette*. Februari 1931.  
*Federated Malay States Government Gazette*. Julai 1931.  
*Federated Malay States Government Gazette*. September 1931.  
*Federated Malay States Government Gazette*. Mac 1932.  
*Federated Malay States Report of the Chief Secretary to Government for the Year 1931.*
- Jan Van der Putten, Negotiating the Great Depression: The rise of popular culture and consumerism in early-1930s Malaya, *Journal of Southeast Asian Studies*, 41 (1), 2010.
- K. Nadaraja, Malay reaction to the 1930s Economic Depression in Malaya, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. 43 (1), 2016.
- Larut No. 97/34. *List of Licenced Rubber Dealer for 1934 in Larut & Matang & Selama.*
- Larut No. 956/36. *Visiting Justice for the Convict Prison, Taiping for the Year 1937.*
- Lee Eng Kew, Yiguo: Taiping Huayi Lishi Renwuji [*The Chinese historical figures of Taiping*], Penang: Nanyang Mingjian Wenhua, 2003.
- Li Dun Jen, *British Malaya: An economic analysis*, Kuala Lumpur: Institut Analisa Sosial, 1982.
- Persatuan Kwangtung Perak Utara, Taiping, *Buku Cenderamata Perayaan Ulangtahun ke-100*, Taiping: Persatuan Kwangtung Perak Utara, 1987.  
*Perak Administration Report for the year 1932.*  
*Perak Pioneer*. Januari 1900.

Article: Elaine Yong Shu Han

*Taipeng Weekly Record*. Mac 1935.

*Taipeng Weekly Record*. April 1935.

*Taipeng Weekly Record*. Mei 1935.

*Taipeng Weekly Record*. Jun 1935.

*Taipeng Weekly Record*. Julai 1935.

*Taipeng Weekly Record*. September 1935.

The 1930 Great Depression. 2008, Januari 20. *Sinchew Daily*. Diperolehi pada September 1, 2017 daripada <http://www.sinchew.com.my/node/525770>

Kedai Tertua di Taiping: Taik Ho. 2012, Julai 15. *Sinchew Daily*. Diperolehi pada Ogos 31, 2017 daripada <http://www.sinchew.com.my/node/1279101>

Kopi: Kilang AunTong. 2013, Februari 19. *Guangming Daily*. Diperolehi pada Ogos 31, 2017 daripada <http://www.guangming.com.my/node/159316?tid=46>

Botol “PohSiew.” 2012, Julai 30. *Sinchew Daily*. Diperolehi pada Mei 19, 2017 daripada <http://www.sinchew.com.my/node/1280862>

### **Nota biografi**

Elaine Yong Shu Han ([elaineyongshuhan@gmail.com](mailto:elaineyongshuhan@gmail.com)) merupakan pelajar sarjana di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.